

Hubungan antara Tasawuf dan Dakwah daripada Perspektif Shaykh ʿAbd al-Qādir al-Jilānī

ABDULLAH MUHAMMAD ZIN

ABSTRAK

Makalah ini menghuraikan tentang kehidupan kerohanian dan kemasyarakatan Syakh ʿAbd al-Qādir al-Jilānī. Skop yang disentuh dalam tulisan ini ialah kehidupan kerohanian yang telah beliau amalkan sehingga beliau terkenal sebagai seorang tokoh sufi sunni. Ajaran-ajaran tasawuf beliau bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah. Syakh ʿAbd al-Qādir al-Jilānī sangat konsisten mengajak orang ramai supaya berpegang dengan syariah. Manakala dalam kehidupan kemasyarakatan pula, beliau mempunyai sebuah madrasah yang berfungsi sebagai pusat dakwah Islamiah. Beliau mengajar, berdakwah, mengeluarkan fatwa, mengarang buku dan menjalankan tarbiyah rūhiyyah secara khusus kepada murid-murid yang bakal dihantar ke setiap pelosok dunia untuk berdakwah dan mengembangkan ajaran-ajaran tarekatnya.

ABSTRACT

This article attempts to give an account of the spiritual and social life of Shaykh ʿAbd al-Qādir al-Jilānī. The scope of discussion includes the spiritual life led by al-Jilānī himself, which made him a famous figure of Sunnī Sufi. His mystical teachings are strongly and strictly based on the Quran and Sunnah. Likewise, al-Jilānī was also so consistent in inviting people to steadfastly hold to the shaḥīʿah. Meanwhile, in his social life, al-Jilānī owns a madrasah, which function as the centre of Islamic Mission. A part from that, al-Jilānī also teaches, delivers public sermons, give out fatāwā (legal decisions or interpretations), writes books and conducts tarbiyah rūhiyyah (spiritual education) specifically to his disciples, who would be sent out to every part of the world, or preach and spread out the teachings of his tarekat.

PENDAHULUAN

Shaykh ʿAbd al-Qādir al-Jilānī, seorang tokoh sufi dan *daʿi* (pendakwah) yang terkenal. Beliau hidup pada abad ke-5 dan ke-6 Hijrah atau ke-11 dan ke-12 Masihi di Kota Baghdad. Pada zaman al-Jilānī, kerajaan Bani Abbasiyah dikuasai oleh Bani Seljuq. Walaupun peperangan sering berlaku di antara khalifah-khalifah Abbasiyah dan Sultan-sultan Seljuq, namun kemajuan ilmu pengetahuan

tetap berkembang, sekolah-sekolah serta pusat-pusat pengajian tumbuh dengan baik terutama di bandar-bandar besar seperti Baghdad, Naysabur dan Baṣrah.

Shaykh °Abd al-Qādir al-Jilānī menghayati kerohanian dan mengamalkan kemasyarakatan. Berdasarkan kedua-dua aspek inilah beliau terkenal sebagai seorang tokoh sufi yang telah mengasaskan tarekat terkenal hingga ke hari ini iaitu *Tarīqah Qādiriyyah*. Shaykh juga sangat terkenal pada zamannya sebagai seorang tokoh *da'i* yang disegani kerana berjaya mengislamkan beratus-ratus orang Yahudi dan Kristian. Beliau juga dapat membawa kembali berpuluh-puluh ribu orang Islam yang fasiq ke jalan kebenaran dengan membuka pintu *tawbah* dan *bay'ah*.

Tinjauan ini berasaskan buku-buku karangan beliau seperti *al-Ghunyahli Tālibī Tarīq al-Haqq fi al-Akhlāq wa al-Tasawuf wa al-Adāb al-Islamiyyah*, *Futūh al-Ghayb*, *al-Fath al-Rabbānī wa al-Fayd al-Rahmānī* dan *Jala' al-Khawātir*. Di samping itu rujukan daripada buku *al-Fuyūdāt al-Rabbāniyyah fi al-Ma'āthir wa al-Awrād al-Qādiriyyah* susunan al-Haj Isma'īl ibn al-Sayyid Muhammad Sa'id al-Qādirī digunakan juga. Buku-buku tersebut memaparkan buah fikiran Shaykh dalam pelbagai bidang terutama tasawuf dan kemasyarakatan. Selain itu penulis juga menggunakan beberapa buah buku yang dikarang oleh pengarang kitab-kitab *manāqib* al-Jilānī seperti *kitab Bahjah al-Asrār wa Ma'dīn al-Anwār fi Ba'd Manāqib al-Qutb al-Rabbānī Sayyid °Abd al-Qādir al-Jilānī*, karangan *al-Shattanawfi* dan *kitab Ghibtah al-Nāzir fi Tarjamah al-Shaykh °Abd. al-Qādir* karangan Ibn Hajar al-°Asqalānī dan buku-buku sejarah.

Al-Jilānī bertugas sebagai pengetua di sebuah madrasah di Kota Baghdad, setelah berpuluh tahun menghabiskan masanya menuntut ilmu dan menjalani latihan kerohanian. Al-Jilānī menjadikan '*madrasah*'nya sebagai pusat kegiatan tasawuf dan dakwah. Sebagai seorang sufi, beliau telah memperkenalkan pengajaran tasawuf *sunni* kepada orang ramai melalui syarahan-syarahan umum, manakala *tarbiyah rūhiyyah* pula disampaikan khusus kepada murid-muridnya dengan melatih adab-adab dan peraturan-peraturan bagi memperkuat kerohanian mereka.

Al-Jilānī dianggap sebagai tokoh sufi dan *da'i* terkemuka pada zamannya. Dengan keperibadian yang tinggi dan ilmu pengetahuan yang luas, serta kemantapan kerohaniannya dapat membantu beliau dalam menyebarkan Islam. Kombinasi antara tasawuf dan dakwah dalam kehidupannya memperlihatkan adanya reformasi yang telah dibawa oleh al-Jilānī dalam tasawuf.

RIWAYAT HIDUP AL-JĪLĀNĪ

Al-Shaykh bernama °Abd al-Qādir, dan dikenali umum dengan °Abd al-Qādir al-Jilānī atau al-Jīlī (al-Kutubī 1951:II, 4). Shaykh al-Islam Tāj al-°Arifin (Taghri Birdī 1935:V, 371) dan al-Shaykh Muhyi al-Din adalah antara gelaran al-Jilānī (al-Shattanawfi 1304H:127), manakala *kunyahnya* pula ialah Abu Muhammad.

Bapa al-Jilānī bernama Abū Sālih Musa Jinki Dust (Jengi Dost), (Ibn al-Wardī 1868:II, 69). Ada ahli sejarah cuba mempertalikan keturunan al-Jilānī hingga sampai kepada Hasan ibn 'Ali ibn Abi Tālib, manakala ada pula yang mempertikaikannya. Di samping itu, di kalangan pengikutnya, beliau dikenali sebagai cucu kepada Abū 'Abd Allah al-Sawma'ī al-Zāhid (Ibn al-Imad 1350H:IV, 199). Antara gelaran yang termasyhur yang diberikan kepada beliau ialah al-Ghawth al-A^czam.

Ibu beliau pula bernama Fātimah, anak 'Abd Allah al-Sawma'ī, beliau dikenali juga dengan panggilan Umm al-Khayr dan Umm al-Jabbār (Ibn Hajar 1903:2). Fātimah adalah seorang yang warak dan juga seorang sufi. Manakala bapanya, Abū Abd Allah al-Sawma'ī, adalah seorang sufi yang terkenal di Jilan.

Beliau dilahirkan di sebuah kampung bernama Nayf (Nif) (Ibn al-Wardī: 1868:II), di daerah Jilan pada tahun 470H/1077 (Ibn al-Jawzī 1358H:X, 145) atau tahun 471H./1078M (Al-Dhahabī 1963:145). Yāqūt al-Hamawī (1956:201) telah menjelaskan bahawa Jilan ialah nama daerah yang berhampiran dengan negeri Tabaristan. Manakala al-Istakhri (1961:121) pula menyebut bahawa Jilan ini termasuk dalam sebahagian kawasan al-Daylam iaitu di selatan Qazwin, di Iran. Beliau wafat pada 8 Rabi^c al-Thāni, tahun 561H./1166M, ketika berumur 91 tahun. Beliau dikebumikan di 'madrasah'nya di Baghdad.

Keluarga al-Jilānī yang terkenal warak banyak mempengaruhi beliau dalam kehidupan kerohanian. Bapa, ibu dan datuknya adalah orang yang bertanggungjawab menjaga dan mendidik beliau semasa kecil. Semasa remaja, beliau adalah seorang yang pendiam dan berakhlak mulia. Mengikut Ibn Hajar al-'Asqalānī dan penulis-penulis *manāqib* yang lain (Ibn Hajar 1903:4-6) bahawa apabila al-Jilānī memasuki bilik darjah di sekolahnya, guru selalu meminta murid-murid yang lain memberi ruang kepada beliau untuk duduk. Beliau amat pintar jika dibandingkan dengan kawan-kawannya yang lain. Apabila beliau berpindah ke Baghdad untuk menyambung pelajarannya pada tahun 488H/1095M ketika berumur dalam lingkungan 18 tahun, Baghdad pada masa itu terkenal sebagai pusat pemerintahan kerajaan Abasiah dan sebagai pusat ilmu pengetahuan.

Semasa al-Jilānī tiba di Baghdad, Abū Hāmid al-Ghazālī telahpun meninggalkan kota tersebut. Al-Ghazali pada masa itu sudah terkenal sebagai tokoh dalam perundangan Islam, ahli falsafah, dan ahli ilmu kalam. Beliau adalah pengikut mazhab Shafi'ī dari segi fekah dan mazhab Ash'ari dari segi akidah. Al-Ghazali pernah memegang jawatan profesor di Kolej Nizamiyyah Baghdad, tetapi telah meletakkan jawatannya untuk mengembara ke Arabia dan Syria bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang sufi.

Oleh kerana al-Jilānī datang dari kampung yang kuat berpegang dengan mazhab Hanbali, beliau enggan belajar di Kolej Nizamiyyah, Baghdad kerana Ahmad al-Ghazali yang menggantikan saudaranya Abu Hamid al-Ghazali adalah seorang sufi yang bermazhab Shafi'i. Al-Jilānī telah berguru dengan

ulama-ulama mazhab Hanbali seperti Qādi Abū Sa'id al-Mukharrimī, Abū al-Wafā' ibn 'Aqīl dan Abu al-Khattab Mahfuz ibn Ahmad al-Kalwadhiñi. Namun begitu beliau juga belajar fekah mazhab Shafi'i (Ibn al-Athīr 1301H:286).

Di dalam kitab-kitab *manāqib*, al-Jilāñi menerima tasawuf daripada Abū al-Khayr Hammād ibn Muslim al-Dabbās iaitu seorang yang warak dan zuhud dan berdisiplin (Ibn al-Athīr 1301H:286). Al-Dabbās telah memperkenalkan 'tasawuf praktikal' kepada al-Jilāñi.

Setelah menjalani latihan-latihan di bawah penyeliaan al-Dabbās, al-Jilāñi telah menerima *khirqah* sebagai tanda telah tamat latihan. Khirqah ini telah diberi oleh Qādi Abū Sa'id Mubarak al-Mukharrimī, iaitu pengetua sebuah madrasah Hanbali yang terletak di Bab al-Azadj, Baghdad (Sibt ibn al-Jawzī 1951:266).

KEHIDUPAN KEROHANIAN DAN PENGAJARAN TASAWUF AL-JĪLĀNĪ

KEHIDUPAN KEROHANIAN

Mujahadah untuk melawan dan menakluki *al-nafs* adalah sebahagian daripada kaedah latihan kerohanian. Meskipun al-Jilāni masih menuntut ilmu, beliau sudah biasa mengamalkan *zuhud*, iaitu dengan membanyakkan puasa, dan mengurangkan makan. Di samping itu, beliau selalu mengunjungi orang yang soleh kerana beliau yakin dengan mendampingi mereka akan memberi kesan kepadanya dari segi kerohanian. Pada masa inilah beliau telah bertemu dengan Shaykh Hammād al-Dabbās (seperti yang telah disebut terdahulu) yang akhirnya menjadi gurunya. Latihan yang didapati oleh al-Jilāñi daripada al-Dabbās adalah terlalu keras, walau bagaimanapun beliau tabah dapat menjalaninya (Ibn Hajar 1903:12-13).

Setelah tamat pengajiannya, beliau hidup mengasingkan diri daripada orang ramai, dan menolak segala kemewahan dan keseronokan hidup, kecuali sekadar yang paling minimum sahaja. Beliau hidup beberapa tahun dengan hanya memakan sayuran liar sahaja yang boleh didapati di padang-padang di luar kota Baghdad. Setahun sekali ada orang memberinya pakaian daripada bulu. Kebanyakan orang yang menemui al-Jilāñi menganggapnya 'tidak siuman' kerana beliau tinggal begitu lama di bangunan lama yang ditinggalkan di Mada'in (al-Shattanawfi 1304H:106).

Lebih kurang 25 tahun beliau mengembara seorang diri di padang-padang pasir dan tempat-tempat lama yang ditinggalkan di sekitar Iraq. Masa dan tenaga digunakan untuk sembahyang, membaca al-Quran dan berzikir. Ada disebut juga bahawa beliau dapat menamatkan bacaan al-Quran pada satu malam sahaja dan sembahyang Subuh dengan wuduk yang diambil untuk sembahyang Isyak pada malam sebelumnya.

Pada peringkat ini beliau telah memutuskan hubungan dengan orang ramai, dan sekali-sekala sahaja keluar di padang pasir dan sekitarnya. Akhirnya beliau telah meninggalkan Baghdad menuju ke Shustar (Shustar ialah sebuah tempat di luar kota Baghdad) dan menetap beberapa tahun di sebuah menara (*burj*) di situ. Oleh kerana agak lama beliau tinggal Shustar, tempat itu dikenali dengan menara orang 'ajam (*Burj 'Ajamī*). Di sinilah tempat kemuncak latihan rohani yang dijalani oleh al-Jilāni.

PENGAJARAN TASAWUF

Pengajaran Tasawuf al-Jilāni direkodkan dalam beberapa buah bukunya seperti *Futūh al-Ghayb*, *al-Ghunyah li Tālibī Tariq al-Haqq* dan *al-Fath al Rabbāni*. Maklumat tentang tasawuf beliau juga boleh didapati dalam buku *al-Fuyūdat al-Rabbaniyyah fi al-ma'athir wa al-Awrād al-Qādiriyyāh* susunan al-Haj Isma'īl ibn al-Sayyid Muhammad Sa'īd al-Qādirī, *Bahjah al-Asrār* karangan al-Shattanawfi dan dalam kitab-kitab *manāqib* yang lain.

Pengajaran Tasawuf Al-Jilāni secara umumnya menepati dengan ajaran Islam, doktrinnya tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh sufi yang lain, beliau sangat berpegang dengan syari'ah. Al Jilāni berpendapat bahawa matlamat tasawuf adalah begitu mudah iaitu mematuhi syari'ah dan menjadi hamba yang beriman kepada Allah s.w.t. . Tidak ada hal yang lebih tinggi daripada *ma'rifah al-tawhīd* (Al-Jilāni t.t:36). Beliau dikenali sebagai sufi yang bermazhab Hanbali. Pendapat dan amalan beliau dalam tasawuf pada umumnya tidaklah berbeza atau bercanggah dengan ulama-ulama mazhab Hanbali yang lain. Sebagai contoh, konflik telah berlaku di antara para fuqaha' (jurists) dengan para sufi pada zaman al-Jilāni, seperti yang disebut oleh Ibn al-Jawzi dalam kitabnya *Talbis Iblīs*, (Ibn al-Jawzi t.t) tetapi al-Jilāni tidak terlibat.

Al-Jilāni berpendapat bahawa tasawuf hendaklah menyerahkan sepenuhnya kepada risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Beliau menolak dakwaan bahawa ilham boleh merobah hakikat-hakikat yang ada di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Beliau juga berpendapat bahawa amalan *Zuhud* adalah digalakkan, tetapi dibolehkan dengan syarat ia tidak mengabaikan tanggungjawab atau perintah-perintah syari'ah yang lain. Walau bagaimana tinggi kedudukan yang didapati oleh seseorang sufi, sama ada pangkat *badal* atau *watad* atau *qutub* atau *ghawth*, dia tidak boleh sampai kepada pangkat nabi, dan tidak boleh mengubah apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. .

Pendapat-pendapat tersebut boleh terdapat dalam buku beliau *al-Ghunyah li Tālibī Tariq al-Haqq*. Dalam buku ini al-Jilāni menjelaskan secara ringkas semua perkara yang penting dan asasi dalam syari'ah. Di bahagian akhir buku ini, beliau telah menulis satu bab yang menerangkan pendapatnya tentang

tasawuf. Bagi al-Jilānī, tasawuf adalah dimensi dalaman bagi agama Islam, ia tidak dapat dipisahkan daripada syari'ah. Seorang sufi sekaligus pakar dalam bidang fiqh (*Islamic jurisprudence*) seperti yang disebut oleh al-Sha'rānī (1973:163).

Bagi mendapat suatu gambaran yang lebih jelas tentang pengajaran tasawuf al-Jilānī, di bawah ini diterjemahkan secara ringkas sebuah nasihat yang disampaikan oleh beliau kepada anaknya, 'Abd al-Razzāq. Isi kandungan nasihat itu adalah seperti berikut:

Wahai anakku, aku menasihati kamu supaya bertaqwa kepada Allah, menta'ati-Nya, melaksanakan syari'ah dan menjaga *hudūd* Allah. (menjaga hudud Allah bererti menjauhi semua larangan Allah, walaupun kecil) Sebagaimana kamu mengetahui, wahai anakku, bahawa tarekat kita (tarekat Qādiriyyah) ini didirikan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, kesejahteraan jiwa, murah hati terbuka, menahan daripada kekerasan, menanggung kesulitan dan kemaafan.

Aku menasihati kamu supaya mengamalkan *faqr* iaitu menjaga kehormatan para masyayikh (guru-guru), menjaga hubungan baik dengan saudara-saudara (seagama), memberi nasihat kepada kanak-kanak dan orang dewasa, menjauhi daripada menimbulkan pergaduhan kecuali dalam perkara agama.

Seperti yang kamu telah ketahui wahai anakku, sesungguhnya hakikat *faqr* itu ialah bahawa kamu tidak berhajat kepada orang yang sepertimu (manusia) dan hakikat *ghina* (maksudnya dari segi bahasa kaya) bahawa kamu bebas daripada orang yang seperti kamu, dan tasawuf itu mempunyai suatu keadaan bukan untuk orang yang mengamalkan *qīl wa qāl*, apabila kamu melihat orang *faqir*, maka kamu janganlah memulai dengan ilmu, dan hendaklah dengan menggunakan cara lembut kerana ilmu boleh meliarkannya, dan cara lembut boleh menjinakkannya.

Kamu juga mengetahui wahai anakku bahawa tasawuf itu didirikan di atas lapan sifat iaitu: pertama, pemurah; kedua, reda; ketiga, sabar; keempat, isyarah; kelima, berjauhan; keenam, memakai pakaian daripada bulu; ketujuh, mengembara; kelapan, *faqr*. Pemurah adalah sifat Nabi Ibrahim a.s., reda adalah sifat Nabi Ishak a.s., sabar adalah sifat Nabi Ayyub a.s. isyarah adalah sifat Nabi Zakariyya a.s., berjauhan adalah sifat Nabi Yusuf a.s., memakai pakaian daripada bulu adalah sifat Nabi Yahya a.s., mengembara adalah sifat Nabi Isa a.s. dan *faqr* adalah sifat Nabi Muhammad s.a.w.

Wahai anakku hendaklah engkau mencampuri orang kaya dengan secara terhormat dan mencampuri orang miskin secara merendah diri. Kamu hendaklah mengamalkan sifat ikhlas iaitu kamu melupai makhluk dengan menumpukan sepenuhnya kepada *Khaliq* (Allah). Janganlah kamu menuduh Allah s.w.t. dalam keadaan-keadaan tertentu, bertenanglah (berserahlah) kepada-Nya dalam semua perkara. Janganlah kamu berserah (bertawakkal) kepada orang lain disebabkan adanya kekerabatan, jalinan kasih sayang dan persahabatan.

Menjadi kewajipan ke atas kamu juga supaya berkhidmat kepada orang miskin dengan tiga perkara: pertama, rendah diri (*tawāduk*) kedua, berakhlak luhur; ketiga, kejernihan jiwa. Engkau juga dikehendaki supaya membunuh nafsu kamu yang rendah (*nafs*) supaya ia dapat hidup. Makhluk yang paling hampir kepada Allah s.w.t. ialah orang yang paling sempurna akhlaknya. Dan amalan yang paling baik ialah menjaga *sir* supaya tidak berpaling selain Allah s.w.t.

Menjadi kewajipan juga ke atas kamu, apabila kamu berada bersama orang miskin supaya ingat-mengingati, bersabar dan *haq*. Adalah cukup untuk kamu di dunia ini melakukan dua perkara, iaitu berkawan dengan orang miskin dan menghormati wali.

Sebagaimana yang engkau ketahui wahai anakku, bahawa orang *fakir* itu tidak memerlukan sesuatu apapun melainkan Allah s.w.t. Dan seperti yang engkau ketahui juga bahawa bertindak ke atas orang yang berkedudukan rendah adalah suatu kelemahan, dan bertindak ke atas orang yang mempunyai kedudukan tinggi adalah suatu kemegahan. *Faqr* dan tasawuf adalah dua perkara yang serius, oleh itu ia tidak boleh dicampuri dengan perkara yang hina.

Ini adalah nasihat yang aku sampaikan kepada kamu dan orang lain yang mendengarnya daripada kalangan murid-murid. Didoakan semoga Allah s.w.t. memberi taufik kepada kamu dan kita semua, kerana telah menerangkannya. Diharapkan semoga Allah s.w.t. menjadikan kita semua termasuk ke dalam golongan orang yang mengikut jejak langkah *al-Salaf al-Sālih...* (al-Hj Isma'il ibn al-Sayyid Muhammad Sa'id al-Qādirī 1353 H:35-38)

Meskipun nasihat Shaykh itu ditujukan kepada anaknya, Abd al-Razzāq, tetapi ia adalah garis panduan pengajaran tarekat Qādiriyyah yang dikembangkan sama ada pada masa Shaykh masih hidup atau selepas kematiannya. Kata-kata nasihat yang disampaikan itu ada mengandungi beberapa istilah atau ungkapan yang mempunyai pengertian khusus seperti perkataan 'miskin' (*faqr*). *Faqr* merujuk kepada kemiskinan kebendaan, dan juga kemiskinan kerohanian. Walau bagaimanapun, golongan *faqr* adalah orang yang benar-benar kaya menurut pandangan al-Jilānī (walaupun digunakan ungkapan miskin). Dengan itu bolehlah ditegaskan di sini bahawa pengajaran-pengajaran tersebut adalah sangat murni.

Dalam kesempatan yang lain, Shaykh telah memberi nasihat kepada seorang lagi anaknya bernama 'Abd. al-Wahhāb. Nasihat ini disampaikan sebelum beliau meninggal dunia. "Adalah menjadi suatu kewajipan ke atas kamu bertaqwa kepada Allah s.w.t. dan mentaati-Nya. Kamu sekali-kali tidak boleh takut dan mengharap kepada orang lain; semua keperluan hendaklah ditujukan kepada Allah s.w.t. sahaja; dan berimanlah dengan *tawhid* (ketunggalan Allah s.w.t.) (Al-Jilānī 1956:302).

Di dalam kitabnya *Futūh al-Ghayb* banyak sekali pengajaran tasawuf yang diutarakan oleh Shaykh dalam bentuk yang lebih terperinci seperti:

1. Gesaan supaya berpegang dengan syariah.
2. Akidah dan pegangan orang mukmin.
3. Gesaan supaya selalu berdoa kepada Allah s.w.t.
4. *Fana'* (self-annihilation).
5. *Taqarrub* kepada Allah s.w.t.
6. Pertalian antara dunia dan akhirat.
7. Jiwa dan hal-halnya.
8. Ujian dan cubaan.

9. Wali dan jalannya.
10. Akhlak yang luhur (*makārim al-akhlak*).

Kitab *Futūh al-Ghayb* adalah himpunan syarahan yang disampaikan oleh Shaykh dalam majlis-majlis yang berbeza dari segi masa dan tempat. Berhubung dengan akidah pula, Shaykh menegaskan dengan jelas pegangan akidahnya: “akidah kita ialah akidah para salaf dan para sahabat” (Al-Dhahabi 1907:278).

Menurut Shaykh, seorang sufi itu dapat ditakrifkan seperti yang berikut:

Sufi ialah orang yang telah menamatkan perjalanan dan telah sampai ke destinasi tarekatnya (al-Jilānī 1973, II:160). Selanjutnya beliau menerangkan titik permulaan dan garis penamat bagi seseorang sufi:

Permulaan kehidupan kerohanian (pengembaraan kerohanian) ialah keluar daripada kehendak-kehendak hawa nafsu (*maʿhud*) dan masuk ke dalam jalan hukum (*masyrūʿ*) dan kemudian masuk ke dalam takdir (*maqḍūr*), selepas itu kembali semula ke dalam kehendak nafsu (*maʿhūd*), tetapi dengan syarat hendaklah menjaga *hudūd* (hukum-hukum syariʿah). (al-Jilānī 1973:138)

Ringkasnya dapatlah dibuat kesimpulan di sini bahawa Shaykh adalah seorang tokoh tasawuf yang sangat kuat berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah. Beliau juga sangat konsisten dalam mengajak ahli-ahli tasawuf supaya berpegang kepada syariah. Huraian-huraian yang dibuat dalam syarahan-syarahan beliau seperti yang dikumpulkan di dalam *Futūh al-Ghayh*, *Jalāʾ al-Khawātir* dan *al-Fath al-Rabbānī* membuktikan dengan jelas bahawa ayat-ayat al-Quran dan Hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. digunakan dengan meluas bagi memperkuatkan hujah dan alasannya.

KEGIATAN DAKWAH AL-JĪLĀNĪ

Bagi mengetahui pertalian antara tasawuf dan dakwah menurut al-Jilānī, beberapa persoalan yang selalu dikemukakan oleh ahli-ahli tasawuf dan ulam-ulama yang lain iaitu: apakah dia matlamat terakhir bagi manusia? Adakah ia untuk mendapat *maʿrifah*? Atau untuk bersatu dengan Allah s.w.t. atau menjalankan kehendak-Nya (*ʿubūdiyyah*)?

Bagi menjawab persoalan tersebut adalah lebih baik dilihat kehidupan Rasulullah s.a.w. dalam dua aspek hidupnya: pertama, hubungannya dengan Allah s.w.t., iaitu seperti penerimaan *wahyu*, *zikir*, *wirid* solat, doa dan lain-lain; keduanya, ialah hubungannya dengan manusia iaitu seperti menyampaikan pengajaran-pengajaran yang ada dalam wahyu, berurusan dengan orang ramai, mendidik para pengikutnya supaya menjadi manusia yang baik, mentadbir sebuah pemerintahan di Madinah, jihad menentang musuh-musuhnya, usaha-usaha menyebarkan dakwah dan lain-lain lagi.

Kedua-dua aspek kehidupan Rasulullah s.a.w. itu kesemuanya menjadi satu dan sepadu. Ini bererti tidak ada orang pada zaman para sahabat dan juga tabi'i berfikir untuk memisahkan antara kedua-dua aspek di atas. Mereka tidak terfikir untuk mengemukakan persoalan, umpamanya manakah aspek yang lebih tinggi dan mana pula yang lebih rendah taraf antara keduanya?

Selanjutnya kita boleh juga kemukakan satu soalan yang lain. Di antara tarekat Nabi dan tarekat wali, adakah ia mempunyai apa-apa perbezaan?

Dalam kehidupan Rasulullah s.a.w. tidak didapati ada pertentangan antara 'penumpuan kepada Allah' dan 'penumpuan kepada manusia'. Dalam berurusan dengan manusia, pada hakikatnya ia juga adalah memberi 'penumpuan kepada Allah', kerana Rasulullah s.a.w. berurusan dengan manusia berdasarkan kepada suruhan Allah s.w.t. supaya membuat urusan itu. Oleh itu dapatlah difahami bahawa walaupun baginda berurusan dengan makhluk tetapi pada hakikatnya ia memberi 'penumpuan kepada Allah' s.w.t., kerana Allah s.w.t. menyuruhnya berbuat demikian. Dengan itu ia jauh lebih baik daripada orang yang hanya 'menumpukan kepada Allah' s.w.t. semata-mata dengan membelakangi dan mengabaikan 'urusan dengan masyarakat'. Mereka menghabiskan masa memberi 'penumpuan kepada Allah' dengan hanya berzikir sahaja, tetapi mengabaikan tugas-tugas dakwah, tarbiyah dan urusan-urusan kemasyarakatan yang lain.

Al-Jilānī mempunyai pandangan yang luas terhadap risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Tanggungjawab mengembangkan syariah atau berdakwah – menurut al-Jilānī – mempunyai kedudukan yang paling tinggi seperti yang diterangkannya:

Jenis manusia yang keempat (paling tinggi kedudukannya ialah terdiri daripada orang yang diajak ke alam ghaib (*al-malakut*) dengan diberi kemuliaan, sebagaimana disebut dalam sebuah hadis yang bermaksud:

(Barangsiapa yang belajar dan mendapat ilmu dan seterusnya beramal, maka dia akan diajak ke alam ghaib dengan dimuliakannya). Orang yang termasuk dalam golongan ini mempunyai ilmu ketuhanan dan tanda-tanda Allah s.w.t. Hati mereka menjadi gedung ilmu Allah s.w.t. yang amat berharga dan Allah s.w.t. akan memberi mereka rahsia-rahsia yang tidak diberinya kepada orang lain... Allah s.w.t. menjadikannya pendakwah (*da'i*) mengajak manusia ke jalan Allah, melarang membuat dosa dan maksiat. Mereka adalah orang yang mendapat bimbingan yang benar dan mampu memberi bimbingan kepada orang lain, mereka boleh memberi pertolongan kepada orang yang menuju ke jalan Allah. Mereka menjadi orang yang benar dan mampu mengesahkan kebenaran orang lain. Mereka bolehlah diibaratkan sebagai timbalan-timbalan nabi dan rasul Allah. Orang yang termasuk dalam golongan ini adalah orang yang berada di peringkat yang paling atas daripada kalangan manusia tidak ada lagi *maqām* yang lebih tinggi daripadanya kecuali *maqām nubuwwah* (kenabian). (al-Jilānī 1973, 33:80)

Bagi mereka yang beriman dengan agama Islam, Rasulullah s.a.w. telah memberi bimbingan kepada mereka tentang cara-cara untuk beramal dengan

agama Islam, bagaimana cara beriman dengan Allah s.w.t. dan mengingatinya, cara-cara untuk mengelakkan diri daripada melakukan dosa dan maksiat, cara-cara untuk *tazkiyah*, diri, bagaimana untuk berakhlak mulia, bagaimana untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. dan sebagainya. Baginda berdakwah untuk menyampaikan ajaran-ajaran ini, di samping mengajar cara-cara untuk beramal dengan betul. Rasulullah s.a.w. juga telah mendirikan pemerintahan di Madinah. Baginda berjihad mempertahannya daripada serangan musuh.

Mengikut pandangan Islam, para anbia adalah golongan paling mulia daripada kalangan manusia. Nabi Muhammad s.a.w. adalah paling mulia daripada kalangan para anbia, manakala sahabat-sahabatnya yang telah berjuang mempertahankan Islam adalah lebih mulia daripada orang yang kemudian.

Menurut pandangan al-Jilānī, orang yang bertasawuf sahaja tetapi tidak berdakwah yang hanya menghabiskan masanya dengan berzikir sahaja kepada Allah s.w.t. mereka berada pada tahap yang lebih rendah daripada mereka yang bertasawuf dan berdakwah. al-Jilānī menjelaskan golongan ini dengan katanya:

Jenis ketiga ialah golongan orang yang mempunyai hati tetapi tidak ada lidah (قلب بلا لسان), dia seorang yang beriman, Allah s.w.t. telah melindungi mereka daripada makhluk dan menggantungkan di keliling mereka dengan tabirnya dan memberi mereka kesedaran tentang cacat cela diri mereka. Allah s.w.t. menyinari hati mereka dan menyedarkan mereka tentang kejahatan yang timbul oleh kerana mencampuri orang ramai dan kerana kejahatan bercakap banyak. Mereka ini tahu bahawa keselamatan itu terletak dalam "diam" dan berkhawat. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Sesiapa yang diam akan mencapai keselamatan.

Para ulama juga ada berkata yang bermaksud:

Sesungguhnya 'berkhidmat kepada Allah itu' terdiri daripada sepuluh bahagian, sembilan daripadanya terletak dalam diam. Oleh itu mereka adalah wali Allah. (al-Jilānī 1973:79-80)

al-Jilānī juga menjelaskan bahawa kalau hanya berdakwah sahaja tetapi tidak bertasawuf, maka mereka hanya termasuk dalam golongan yang lebih rendah daripada golongan orang yang bertasawuf tetapi tidak berdakwah. Oleh itu al-Jilānī berkata:

Satu jenis lagi manusia ialah mereka yang ada lidah, tetapi tidak ada hati. Mereka bijak bercakap tetapi tidak melakukan seperti yang dicakapnya. Mereka berdakwah kepada Allah s.w.t., tetapi mereka lari daripada Allah s.w.t. Mereka benci kepada maksiat yang dilakukan oleh orang lain tetapi mereka sendiri bergelumang dalam maksiat itu. Mereka menunjukkan kepada orang lain yang mereka itu soleh, tetapi mereka sendiri melakukan dosa-dosa yang besar. Apabila mereka bersendirian, mereka bertindak selaku serigala yang berpakaian, manusia jenis ini telah diberitahu oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud:

Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah daripada orang munafik yang sangat pandai bercakap dan sabdanya lagi yang bermaksud:

Yang paling aku takuti ke atas umatku ialah daripada ulama alim yang jahat. Kita berlingung dengan Allah s.w.t. daripada orang alim seperti itu. Oleh itu lari dan jauhilah diri kamu daripada orang seperti itu. Jika tidak kamu akan terpengaruh oleh kata-kata manisnya yang bijak berbicara itu dan api dosanya itu akan membakari kamu dan kekotoran hatinya akan membunuh kamu. (al-Jilāni:78-79)

KESIMPULAN

Berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh al-Jilāni itu, jelas menunjukkan pertalian dan perhubungan yang padu di antara tasawuf dan dakwah. Manusia ideal mengikut pandangan al-Jilāni ialah manusia yang menuntut ilmu, beramal dan seterusnya menyampaikan pula ilmunya kepada orang lain (berdakwah). Jadi kombinasi di antara tasawuf dan dakwah adalah penting, dakwah sahaja tanpa tasawuf akan pincang dan tidak bermanfaat, begitu juga tasawuf sahaja tanpa dakwah belum lagi menjadi ideal. Tasawuf mendatangkan manfaat kepada pengamalannya, tetapi tidak menyinari orang lain (dakwah).

Oleh itu tasawuf seperti yang diutarakan oleh al-Jilāni bolehlah dianggap sebagai 'tasawuf dakwah' kerana ia berlandaskan dakwah dan syariah. Manakala huraian tentang hubungan tasawuf dengan dakwah yang dibuat oleh al-Jilāni sangat berautoritatif kerana bersumberkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Al-Jilāni sebenarnya telah berkecimpung secara amali dalam aktiviti-aktiviti dakwah atau dakwah secara praktikal. Setelah berumur 50 tahun beliau mula muncul dari tempat menjalani latihan tasawufnya untuk berdakwah. Pada tahun 521H/1127M beliau muncul di depan umum sebagai pendakwah dan pendidik. Kemasyhurannya sebagai pendakwah dan pendidik tersebar luas. Enam tahun selepas kemunculannya di khalayak ramai beliau telah diserahkan oleh gurunya, Abu Said al-Mukharrimi sebuah 'madrasah' supaya ditadbirkannya.

'Madrasah' tersebut cepat berkembang dengan bantuan dan sokongan para dermawan pada masa itu. 'Madrasah' ini dijadikan sebagai pusat dakwah beliau dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti. Pengajaran ilmu-ilmu tradisi Islam seperti al-Quran, tafsir, hadis, fekah, tawhid dan lain-lain diadakan tiap-tiap hari. Sementara syarahan umum kepada orang ramai dua kali seminggu. Di samping itu al-Jilāni bertugas sebagai mufti, mengarang buku dan menjalankan *tarbiyah ruhiyyah* secara khusus untuk murid-murid yang bakal dihantar ke setiap pelosok dunia pada masa itu untuk berdakwah dan mengembangkan ajaran-ajaran tarekatnya.

Reputasinya telah menarik minat orang ramai untuk datang berduyun-duyun mendengar syarahannya. Ada juga yang datang untuk membuat *bay'ah* atau sekurang-kurangnya untuk 'mengambil berkat' daripadanya.

Dengan ilmunya yang luas dibantu pula oleh kekuatan kerohaniannya, beliau telah berjaya mengislamkan beratus-ratus orang Yahudi dan Kristian. Selain itu, tidak kurang daripada 70,000 orang Islam yang *fasiq* telah bertaubat dengannya, itulah antara kekeramatan yang jelas daripada ketokohan Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jilānī.

RUJUKAN

- Abu al-Fidā. 1840. *Taqwīm al-Buldān*. Paris.
- al-Asqalānī, Ibn Hajar. 1903. *Ghibtah al-Nāzir fi Tarjamah al-Shaykh ‘Abd al-Qādir*. Calcutta: The Baptist Mission Press.
- al-Dhahabī, 1963. *al-‘Ibar fi khabar man Ghabar*.
- al-Dhahabī. 1907. “Dhahabi’s Life of ‘Abd al-Kādir, dalam *Journal Royal Asiatic Societies*.
- al-Hamawī, Yaqut. 1956. *al-Mu‘jam al-Buldān*. Beirut: Dar Sadir. Jilid. II.
- al-Istakhri. 1961. *al-Masālik wa al-Mamālik*. Cairo.
- Ibn al-Athir. 1301H. *Tārīkh al-Kāmil*. Mesir: al-Matba’ah al-Azhariyyah. Jilid XI.
- Ibn al-Imad. 1350H. *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*. Cairo: Maktabah al-Qudsi, Jilid IV.
- Ibn al-Jawzi. 1358H. *al-Muntazam fi Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*. Hyderabad: Matba’ah Da’irah al-Ma’arif al-Uthmaniyyah. Jilid. X.
- Ibn al-Jawzi. t.t. *Talbīs Iblis*. Beirut: Dar al-Raid al-Arabi.
- Ibn al-Wardī. 1285/1868, *Tatimmah al-Mukhtasar fi Akhbar al-Bashar*. Cairo: al-Wahhabiyyah.
- Ibn Kathīr. t.t. *al-Bidāyah wa al-Nihāyat fi al-Tārīkh*. Cairo: Matba’ah al-Sa’adah. Jilid XII.
- Ibn Rajab al-Hanbalī. t.t. *Kitab al-Dhayl ‘alā Tabaqat al-Hanabilah*. Beirut: Dar al-Ma’rifah li al-Tiba’ah wa al-Nasr. Jilid I.
- al-Jilānī. 1956. *al-Ghunyah li Talibī Tarīq al-Haqq*. Cairo: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi. Jilid I & II.
- al-Jilānī. 1968. *al-Fath al-Rabbāni wa al-Fayd al-Rahmānī*. Cairo: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- al-Jilānī. 1973. *Futūh al-Ghayb*. Cairo: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- al-Kutubi 1951. *Fawāt al-Wafayāt*. Cairo: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, Jilid II.
- al-Qādirī, al-Haj Isma‘il ibn al-Sayyid Muhammad Sa’id. 1353H. *al-Fuyūdāt al-Rabbāniyyah, fi al-Ma’athir wa al-Awrād al-Qādiriyyah*. Cairo: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- al-Qannawji. 1963. *al-Taj al-Mukallal*. Bombay: al-Matbaah al-Hindiyyah al-Arabiyyah.
- al-Sha’rani, ‘Abd. al-Wahhab. 1973. *Lawāqih al-Anwār al-Qudsiyyah fi ma’rifah Qawā’id al-Sūfiyyah*. Mesir: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi. Jilid I.
- al-Shattanawfi, ‘Ali ibn Yusof *Bahjah al-Asrār wa Ma’din al-Anwār* 1304H. Cairo: al-Matba’ah al-Maymaniyyah.
- Sibt ibn al-Jawzi. 1951. *Mir’ah al-Zamān fi Tārīkh al-A’yān*. Haidarabad: Matba’ah Majlis Da’irah al-Ma’arif al-Uthmaniyyah.

Taghri Birdi. 1935. *al-Nujūm al-Zāhirah*. Cairo: Matba'ah Dar al-kutub al-Misriyyah.
Jilid V.

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

